




Our Code (Kod Kita)

Nilai kita mendefinisikan identiti kita, secara kolektif sebagai perniagaan dan secara individu sebagai pekerja

Isi kandungan



Pengenalan

Pengenalan kepada Our Code (Kod Kita)	5
Menyuarkan Diri	6

01

Kita menghormati dan melindungi satu sama lain dan perniagaan kita

Kesihatan dan Keselamatan	8
Menghormati satu sama lain	8
Kepelbagaian dan Rangkuman	9
Akaun dan Rekod	10
Sumber Perniagaan	10
Keselamatan	11

02

Kita berkelakuan secara beretika dan mengikut undang-undang

Kewajipan Undang-undang Kita	14
Sogokan dan Rasuah	14
Bersaing dengan Adil	15
Pematuhan Perdagangan	15
Data Peribadi dan Privasi	16
Kelakuan Beretika	17
Konflik Kepentingan	18

03

Kita menjaga komuniti kita dan dunia kita

Melindungi Alam Sekitar kita	21
Keselamatan dan Kualiti Produk	21
Menyokong Komuniti	22
Hak Asasi Manusia dan Perhambaan Moden	23
Hubungan Pelanggan dan Pembekal	24
Komunikasi	24

Selamat datang ke Our Code (Kod Kita)



Rakan Sekerja Sekalian,

Sebagai pekerja GKN Automotive, anda sebahagian daripada sekumpulan orang dari seluruh dunia, yang bekerja keras untuk menjadikan perniagaan kita lebih baik, lebih kuat dan lebih mampan.

Untuk berjaya, kita mesti bekerjasama, dengan matlamat yang sama dan juga nilai yang sama. Di GKN Automotive, kita **Terbaik, Kerjasama, Berprinsip dan Didorong**. Nilai-nilai ini mendefinisikan identiti kita, secara kolektif sebagai perniagaan dan secara individu sebagai pekerja.

Berprinsip bermaksud melakukan perkara yang betul, tidak kira dalam apa-apa keadaan.

Saya mahu kita mengembangkan perniagaan kita dan meningkatkan keuntungan untuk pelabur kita, tetapi bukan tanpa mengira akibatnya. Ada perkara yang lebih penting. Hal ini termasuklah menghormati dan melindungi satu sama lain dan perniagaan kita, berkelakuan secara beretika dan mengikut undang-undang serta menjaga komuniti dan dunia kita. Perkara ini tidak boleh dirunding dan mesti ditunjukkan dalam tingkah laku harian kita.

Sila baca Our Code (Kod Kita) dengan teliti. Saya menjangkakan anda untuk memahaminya dan menurutinya. Bersikap jujur, adil dan boleh dipercayai dalam semua tindakan anda dan jika anda ragu-ragu, dapatkan bantuan. Anda mempunyai rakan sekerja dan pemimpin yang akan membimbang dan menyokong anda.

Menjadi sebahagian daripada pasukan GKN Automotive adalah satu keistimewaan, tetapi keistimewaan ini diiringi dengan tanggungjawab. Seperti saya, anda mewakili GKN Automotive. Anda bertanggungjawab atas tindakan diri anda, tetapi juga bertanggungjawab untuk membantu membina budaya yang tidak bertoleransi terhadap kelakuan yang bercanggahan dengan Our Code (Kod Kita). Oleh itu, jika anda mendapati kelakuan yang mungkin salah atau bercanggahan dengan Kod ini, sila **Menyuarakan Diri** supaya kita boleh mengendalikannya.

Saya tahu saya boleh bergantung pada anda untuk mematuhi Our Code (Kod Kita), Berprinsip dan sentiasa melakukan perkara yang betul.

Terima kasih.

Liam Butterworth
Chief Executive Officer

Pengenalan kepada Our Code (Kod Kita)

Pengenalan kepada Our Code (Kod Kita)

Di GKN Automotive, salah satu nilai kita ialah Berprinsip. Sudah tentu, terdapat lebih lagi mengenai Berprinsip daripada yang boleh dinyatakan di sini, tetapi Our Code (Kod Kita) fokus pada cara kita:

- Menghormati dan melindungi satu sama lain dan perniagaan kita
- Berkelakuan secara beretika dan mengikut undang-undang
- Menjaga komuniti kita dan dunia kita

Our Code (Kod Kita) adalah penting. Kod ini akan membimbing kelakuan anda, cara anda melakukan kerja dan cara anda berinteraksi dengan pekerja dan pihak berkepentingan GKN Automotive yang lain. Ia terpakai pada semua pekerja dan kakitangan GKN Automotive, tanpa mengira kerja dan lokasi mereka, tanpa pengecualian. Ia menetapkan standard minimum yang kita jangkakan daripada setiap orang.

Our Code (Kod Kita) menjelaskan perkara yang anda harus dan tidak harus lakukan. Tetapi ia hanya gambaran keseluruhan tentang isu-isu yang paling penting. Ia tidak boleh menjelaskan setiap topik, situasi atau keperluan secara terperinci. Jika berkaitan, ia akan mengarahkan anda ke dasar dan prosedur kita yang lebih terperinci yang mengandungi lebih banyak maklumat.

Jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam Our Code (Kod Kita) atau standard yang dijangkakan daripada anda sebagai pekerja GKN Automotive, tanya pengurus anda atau ahli fungsi HR atau Perundangan.



- > **Menghormati dan melindungi satu sama lain dan perniagaan kita**
- > **Berkelakuan secara beretika dan mengikut undang-undang**
- > **Menjaga komuniti kita dan dunia kita**

Menyuarkan Diri


Tidak kira betapa kuatnya kita cuba melakukan perkara yang betul, kadangkala perkara buruk akan berlaku. Apabila perkara buruk berlaku, penting untuk anda mengemukakan perkara ini kepada kita supaya kita boleh menyelesaikan perkara ini dan mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagi. Oleh itu, kita menggalakkan budaya Menyuarkan Diri yang meminta anda mengemukakan semua isu kebimbangan kepada kita.

Anda seharusnya sentiasa berasa dapat bertanya soalan atau mengemukakan kebimbangan tentang apa-apa tindakan atau kelakuan yang bercanggahan atau mungkin bercanggahan dengan Our Code (Kod Kita). Kebimbangan anda akan didengar, disiasat dan dikendalikan dengan betul dan secara sensitif.

Untuk maklumat lanjut sila lihat Whistleblowing and Employee Disclosure Policy (Dasar Pemberi Maklumat dan Pendedahan Pekerja) yang tersedia di Sistem Kecemerlangan. Kami akan sentiasa menyokong pekerja yang mengemukakan kebimbangan yang sebenar, walaupun mereka sebenarnya tersalah.

Jika anda mempunyai soalan atau kekhawatiran, titik hubungan pertama anda haruslah pengurus barisan anda, atau jika berkenaan, pengurus atau pakar lain di lokasi anda.

Jika terdapat apa-apa sebab anda berasa anda tidak boleh mengemukakan perkara itu secara dalaman, Talian Utama dan Portal Pendedahan Pekerja yang sulit dan tanpa nama boleh digunakan untuk melaporkan isu kebimbangan. Talian ini dibuka 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan dihoskan oleh syarikat luar yang bebas. Nombor telefon diiklankan dengan meluas di tempat kerja anda dan tersedia di www.gknautomotive.com/speakingup




01

Kita menghormati
dan melindungi
satu sama lain dan
perniagaan kita

Kesihatan dan Keselamatan

Kesihatan dan keselamatan pekerja kita merupakan keutamaan pertama kita. Kita komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat untuk orang kita dan menyokong kesihatan mental mereka.

Anda bahagian yang penting dalam hal ini. Sistem kesihatan dan keselamatan kita ThinkSAFE! merupakan sebahagian daripada setiap kemudahan dan pejabat GKN Automotive, dan harus ditanam dalam cara pemikiran dan kelakuan setiap pekerja.



Ini bermakna anda harus:

- Mematuhi semua keperluan ThinkSAFE! dan Dasar Kesihatan dan Keselamatan lain yang berkenaan
- Memahami keperluan kesihatan jawatan anda dan mendapatkan bantuan daripada pakar HSE jika perlu
- Mengenali bahawa cara anda berkelakuan di tempat kerja akan mempengaruhi keselamatan diri anda dan rakan sekerja anda
- Menyokong semua inisiatif keselamatan di lokasi anda dan bantu mengenal pasti dan melakukan penambahbaikan keselamatan secara aktif
- Melengkapkan latihan kesihatan dan keselamatan anda yang diperlukan
- Mengikuti proses kerja standard
- Tidak sesekali bekerja di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- Menyuarkan Diri apabila anda nampak sesuatu yang tidak betul

Menghormati Satu Sama Lain

Kita percaya dengan melayan orang lain dengan penuh hormat. Kita menjangkakan GKN Automotive untuk menjadi tempat kerja yang hebat, iaitu tiada orang yang dibuli, diganggu atau tidak dihormati.

Kita menjangkakan kelakuan ini di semua tahap dalam organisasi kita, tanpa mengira kekananan atau jawatan. Kita menggalakkan perbincangan yang mantap dan berterusan, tetapi perbincangan tidak boleh melampaui batas sehingga ia menjadi tidak hormat.



Ini bermakna anda harus:


- Melayan rakan sekerja anda dan orang lain dengan hormat dan menjaga maruah
- Tidak membuli, mengganggu atau menganiaya orang lain, atau berkelakuan dengan cara yang mengancam atau menakutkan
- Tidak terlibat dalam kelakuan yang merupakan gangguan seksual, termasuk sentuhan fizikal, luahan, isyarat atau komen yang tidak disenangi
- Tidak membuat atau berkongsi bahan, jenaka atau komen, atau menyebarkan gosip atau khabar angin, yang mungkin menyenggung perasaan orang lain
- Peka terhadap kelainan budaya, iaitu kelakuan anda mungkin diterima dalam sesuatu budaya tetapi tidak diterima dalam budaya lain
- Bertolak ansur dan memahami apabila orang melakukan kesilapan sebenar

Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Rangkuman

Kita perniagaan global dan kita percaya dengan mengiktiraf dan meraikan budaya, adat dan kepercayaan pekerja kita yang berlainan, dalam rangka kerja hormat dan toleransi yang sama.

Kita menghargai kelainan dan menyedari bahawa kepelbagaian orang, budaya, kemahiran dan keupayaan kita merupakan sejenis kekuatan perniagaan. Kita tidak bertolak ansur dengan diskriminasi yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika dalam apa-apa bentuk.

Kita percaya dengan memberikan ganjaran atas prestasi. Kita akan memastikan bahawa peluang untuk pembangunan dan kemajuan dalam perniagaan kita mencerminkan bakat dan pengalaman pekerja kita.



Ini bermakna anda harus:

- Tidak sesekali mendiskriminasi atas alasan jantina, orientasi seksual, umur, ketidakupayaan, agama, bangsa atau kebangsaan atau asal etnik, atau apa-apa sebab lain yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang
- Memastikan semua keputusan berkaitan pekerjaan, pembangunan dan kenaikan pangkat dibuat berdasarkan kebolehan dan merit
- Mempromosikan dan menghargai kepelbagaian dan rangkuman di tempat kerja
- Mengenali bahawa anda mungkin mempunyai kecenderungan tanpa disedari dan mengambil langkah untuk menyelesaiannya



Akaun dan Rekod

Kita komited terhadap standard ketepatan dan keutuhan yang tinggi dalam rekod perniagaan dan pelaporan kewangan kita.

Pelabur kita menaruh kepercayaan terhadap rekod akaun dan kewangan kita, dan penyimpanan rekod dan pelaporan yang tepat mencerminkan reputasi dan kebolehpercayaan kita, dan memastikan bahawa kita memenuhi tanggungjawab pengawalaturan dan perundangan kita.



Ini bermakna anda harus:

- Merekodkan semua urusan perniagaan dan komersial dengan betul dan tepat, selaras dengan dasar kita
- Tidak memanipulasi rekod hasil, perbelanjaan, keakruan atau peruntukan bagi memenuhi matlamat perbelanjaan atau bonus
- Tidak sekali-kali memalsukan mana-mana dokumen atau memutarbelitkan sifat sebenar mana-mana urusan
- Memastikan semua pemfailan cukai, pengawalaturan dan lain-lain pemfailan awam adalah benar dan tepat mengikut kepercayaan anda dan diserahkan apabila tiba masanya
- Sentiasa bersikap terbuka dan jujur semasa berurusan dengan juruaudit kita dan pihak berkuasa yang berkaitan
- Mengelakkan semua rekod selaras dengan Document Retention Policy (Dasar Pengekalan Dokumen) kita
- Mematuhi prosedur yang diperlukan oleh Anti-Money Laundering and Tax Evasion Policy (Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pengelakan Cukai) kita dan tidak melibatkan diri dalam kelakuan yang mungkin memudahkan pengubahan wang haram atau pengelakan cukai tanpa disedari
- Menyuarkan Diri apabila anda nampak sesuatu yang tidak betul

Sumber Perniagaan

Sebagai pekerja GKN Automotive, kita merupakan penjaga sumber dan aset perniagaan kita. Ini termasuk benda seperti wang, inventori, peralatan dan alatan, malah termasuk maklumat, data, teknologi dan harta intelek.

Kita menggunakan sumber ini setiap hari, tetapi sumber ini bukan milik kita. Sumber ini milik GKN Automotive. Jadi kita mesti menjaganya dan menggunakannya dengan wajar.

Ini bermakna anda harus:

- Menggunakan sumber dan aset GKN Automotive untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja
- Tidak cuba untuk menyalahgunakannya demi manfaat peribadi anda atau apa-apa tujuan bukan perniagaan yang lain
- Memastikan sumber selamat dan terjamin serta mengamalkan tahap penjagaan yang sama seolah-olah mereka milik anda sendiri





Keselamatan

Keselamatan yang berkesan dan boleh dipercayai adalah penting untuk perlindungan orang kita dan perniagaan kita. Pelanggan dan pembekal kita mempercayai kita untuk melindungi aset mereka dan menanganiinya dengan penuh berhati-hati.

Kita komited untuk memastikan orang, aset perniagaan dan maklumat kita selamat, tetapi serangan keselamatan siber dan ancaman keselamatan lain terus meningkat.

Pelanggaran keselamatan fizikal boleh membahayakan orang dan aset kita. Pelanggaran keselamatan maklumat boleh mengakibatkan gangguan kepada sistem IT dan pengeluaran kita; kerugian kewangan daripada kecurian, penipuan atau wang tebusan; pelanggaran kewajipan kita terhadap pelanggan dan pembekal kita; dan kerosakan reputasi. Hal ini bermakna bahawa keselamatan perniagaan kita mesti menjadi elemen penting dalam kerja harian kita. Setiap pekerja GKN Automotive mesti memainkan peranan mereka untuk melindungi kita semua daripada ancaman dan risiko keselamatan.

Ini bermakna anda harus:

- Mematuhi Dasar Keselamatan kita dan prosedur yang berkenaan
- Mengklasifikasikan dan mengkategorikan semua aset maklumat yang anda hasilkan kemudian mengendalikannya mengikut klasifikasi
- Melengkapkan semua latihan keselamatan apabila diminta
- Melaporkan apa-apa kebimbangan atau isu keselamatan dengan segera. Walaupun anda berasa tidak pasti, tetapi lebih baik untuk melapkannya





**Kesihatan dan
keselamatan pekerja
kita merupakan
keutamaan pertama
kita**

02

Kita berkelakuan secara
beretika dan mengikut
undang-undang

Kewajipan Undang-undang Kita

Sebagai perniagaan global, kita tertakluk kepada beribu-ribu undang-undang dan peraturan yang terpakai di negara tempat pangkalan atau operasi kita. Dasar GKN Automotive adalah untuk sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang tertakluk kepada kita.

Banyak undang-undang yang mempengaruhi perniagaan kita dibincangkan dalam bahagian lain Kod ini, tetapi kita tidak boleh menjelaskan setiap undang-undang di sini. Walaupun kita tidak menjangkakan anda untuk menjadi pakar undang-undang, kita mengharapkan anda untuk sentiasa berhati-hati dalam memastikan anda mematuhi undang-undang dan jika anda tidak pasti, mendapatkan bantuan daripada fungsi Perundangan kita.



Ini bermakna anda harus:

- Membiasakan diri anda dengan asas undang-undang yang terpakai di negara anda atau pada jawatan anda
- Melakukan semua latihan undang-undang dan pematuhan apabila anda diminta
- Jika anda berasa sesuatu perkara mungkin melanggar undang-undang, berhenti dan berfikir
- Jika anda ragu-ragu, dapatkan nasihat daripada Fungsi Perundangan kita



Sogokan dan Rasuah

Penyogokan adalah salah di sisi undang-undang, dan rasuah akan merosakkan perniagaan, orang dan masyarakat. Kita mempunyai dasar sifar toleransi terhadap sogokan dan rasuah dalam perniagaan dan rantai bekalan kita.

Undang-undang anti-sogokan adalah ketat, dan boleh menyebabkan kita bertanggungjawab atas sogokan yang dibayar oleh orang lain bagi pihak kita, walaupun tanpa pengetahuan kita. Dasar dan prosedur anti-sogokan kita direka untuk melindungi kita dan mesti sentiasa diikuti.



Ini bermakna anda harus:

- Tidak menawarkan atau membayar sogokan kepada sesiapa - termasuk 'bayaran pemudahan'
- Tidak menerima sogokan atau apa-apa yang merupakan sogokan
- Mengisytiharkan semua hadiah dan hospitaliti yang diberi atau diterima selaras dengan Gifts and Hospitality Policy (Dasar Hadiah dan Hospitaliti) kita
- Tidak membuat dermaan politik dan memastikan pendermaan lain mematuhi Donations and Sponsorship Policy (Dasar Pendermaan dan Penajaan) kita
- Mematuhi Sales Agents and Consultants Policy (Dasar Ejen dan Perunding Jualan) kita
- Melaporkan mana-mana sogokan yang diketahui atau diragui kepada Eksekutif yang Diberi Kuasa Sewajarnya anda atau Fungsi Perundangan


Bersaing dengan Adil

Undang-undang persaingan dan antitrust terpakai di semua negara tempat kita beroperasi. Kita mesti bersaing keras, tetapi secara adil dan dalam batasan undang-undang.

Kelakuan anti-persaingan yang menyalahi undang-undang merupakan masalah besar dalam industri kita dan banyak syarikat yang lain telah didakwa kerana melanggar peraturan. Kita tidak boleh menjadi salah satu daripada mereka.

Ini bermakna anda harus:

- Amat berhati-hati semasa berinteraksi dengan pesaing
- Tidak sesekali berkongsi maklumat sensitif yang berdaya saing dengan pesaing
- Tidak sesekali bersetuju atau mencapai persefahaman dengan pesaing untuk menetapkan harga, untuk mengagihkan pelanggan, wilayah atau pasaran, untuk berpaktat sulit tentang tender atau tawaran pelantar, atau untuk tidak bersaing dalam apa-apa cara
- Melengkapkan semua latihan mengenai topik ini apabila diminta
- Mematuhi Competition and Antitrust Law Policy (Dasar Undang-undang Persaingan dan Antitrust) kita
- Jika anda mempunyai apa-apa keraguan terhadap perkara yang anda lakukan, dapatkan nasihat daripada Fungsi Perundangan




Pematuhan Perdagangan

Kita perniagaan global. Orang, produk dan teknologi kita merentasi sempadan dan kita berinteraksi dengan rakan kongsi perniagaan di banyak negara dan wilayah. Hal ini membawa keperluan untuk mematuhi batasan perdagangan global, termasuk sekatan yang melarang perniagaan dengan sesetengah negara, syarikat dan individu.

Kita juga mesti mematuhi kastam dan formaliti import dan eksport yang lain, dan kita juga mungkin tertakluk kepada kawalan perdagangan berkaitan teknologi.

Akhirnya, kita perlu memahami bakal rakan kongsi perniagaan kita. Hal ini termasuk melakukan semakan untuk memastikan mereka bereputasi dan kita selamat untuk berurusan dengan mereka.



Ini bermakna anda harus:

- Mematuhi Trade Compliance Policy (Dasar Pematuhan Perdagangan) kita, termasuk mendapatkan kelulusan sebelum berurusan dengan rakan niaga di Negara Berisiko Tinggi, atau apabila produk akan digunakan dalam mana-mana penggunaan Ketenteraan atau Keselamatan
- Mematuhi Customer, Supplier and Other Counterparty Due Diligence Procedures (Prosedur Usaha Wajar Pelanggan, Pembekal dan Rakan Niaga yang Lain) kita apabila berurusan dengan pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan lain yang baharu
- Memastikan semua borang dan pengisytiharan kastam dilengkapkan dan diisi dengan tepat dan tepat pada masanya




Data Peribadi dan Privasi

Kita mengumpulkan, menyimpan dan menggunakan data peribadi yang berkaitan dengan beribu-ribu orang, termasuk pekerja, pelanggan dan pembekal kita. Pemegangan dan pemprosesan data peribadi tersebut mendatangkan tanggungjawab perundangan yang semakin ketat.

Kita mesti menggunakan, menyimpan dan melupuskan data tersebut dengan berhati-hati, dengan cara yang menghormati privasi individu, dan mematuhi undang-undang yang berkaitan di semua negara tempat kita beroperasi.

Ini bermakna anda harus:

- Mengumpulkan, menggunakan dan menyimpan data peribadi bagi tujuan perniagaan yang sah sahaja
- Mematuhi Data Protection Policy (Dasar Perlindungan Data) kita yang menjelaskan cara anda menggunakan, memproses dan melupuskan data tersebut
- Melengkapkan semua latihan mengenai Perlindungan Data dan Privasi apabila diminta
- Mendapatkan nasihat daripada Penyelaras Perlindungan Data atau Fungsi Perundangan tempatan anda apabila anda berasa tidak pasti





Kelakuan Beretika

Undang-undang dan peraturan menetapkan standard minimum yang mesti kita patuhi, sebagai perniagaan dan sebagai individu.

Tetapi tidak cukup sekadar mematuhi undang-undang. Berprinsip bukan hanya tentang mematuhi undang-undang sahaja. Kita menjangkakan anda untuk pergi lebih jauh, dan sentiasa berkelakuan dengan standard etika tertinggi dan berkelakuan dengan cara yang mencerminkan nilai GKN Automotive.

Ini bermakna anda harus:

- Bersikap jujur dan telus
- Berkelakuan secara profesional
- Bertindak dengan berintegriti
- Boleh dipercayai dan menepati janji dan komitmen anda
- Apabila anda melakukan kesilapan, bersikap terbuka dan tidak menyembunyikannya
- Menghormati semangat dan Our Code (Kod Kita) sepenuhnya




Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan boleh berlaku apabila hubungan peribadi atau kepentingan kewangan kita (atau keluarga atau rakan kita) bertindih dengan tanggungjawab jawatan kita dengan GKN Automotive.

Konflik kepentingan boleh memberi kesan kepada keputusan yang kita buat, menghakim kepercayaan dan menjelaskan reputasi kita. Malah kemunculan konflik juga boleh merosakkan. Potensi konflik kepentingan boleh termasuk melantik atau merujuk kerja kepada pembekal yang mempunyai kepentingan peribadi dengan anda; mengupah ahli keluarga atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan anda; atau mempunyai apa-apa kepentingan material dengan mana-mana pelanggan atau pesaing GKN Automotive.

Oleh itu anda mesti sentiasa:

- Cuba untuk mengelakkan situasi yang mungkin mewujudkan konflik antara kepentingan anda dan kepentingan GKN Automotive
- Mengisytiharkan konflik sebenar atau konflik berpotensi yang timbul dan mendapatkan kelulusan selaras dengan Conflicts of Interest Policy (Dasar Konflik Kepentingan) kita
- Mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan urusan jual beli saham atau sekuriti, dan tidak sesekali berurus berdasarkan maklumat sensitif harga bukan awam atau melanggar Securities Dealing Policy (Dasar Urus Niaga Sekuriti) kami
- Menyuarakan Diri, jika anda nampak sesuatu yang tidak betul



Bagaimana jika Saya Tidak Pasti Perkara yang Perlu Dilakukan?

Undang-undang adalah rumit dan kadangkala sukar untuk menentukan perkara yang beretika.

Jika anda mempunyai apa-apa keraguan terhadap perkara yang anda lakukan, berhenti dan berfikir. Tanya diri anda, adakah ini betul? Adakah ia selaras dengan Our Code (Kod Kita)?

Jika tidak, dapatkan bantuan, daripada pengurus anda, pemimpin kanan lain atau daripada fungsi Perundangan. Jika kurang pasti, sentiasa bertanya.



Kita mesti bersaing keras, tetapi secara adil dan dalam batasan undang-undang



03

Kita menjaga
komuniti kita
dan dunia kita

Melindungi Alam Sekitar kita

Tujuan kita adalah untuk mendorong dunia yang lebih bersih dan mampan. Ini bermakna bukan sahaja mematuhi undang-undang alam sekitar, tetapi terus mencari cara untuk meningkatkan prestasi alam sekitar kita, baik dalam cara kita mengendalikan kemudahan dan pejabat pengeluaran kita dan dalam cara kita mereka bentuk dan mengeluarkan produk kita. Kita komited untuk mengurangkan tenaga, air dan sisa, dan untuk meminimumkan pelepasan gas rumah hijau kita. Sila menyokong kita dalam matlamat kita.




Ini bermakna anda harus:

- Menyokong semua inisiatif ThinkGREEN! dan inisiatif alam sekitar yang lain secara aktif di tempat kerja anda
- Memahami keperluan alam sekitar bagi jawatan dan lokasi anda
- Mendapatkan sokongan daripada pasukan HSE jika perlu
- Sentiasa bekerja selaras dengan Dasar dan Prosedur Alam Sekitar kita
- Menyuarkan Diri apabila anda nampak sesuatu yang tidak betul

Keselamatan dan Kualiti Produk

Keselamatan produk adalah penting dalam industri automotif. Setiap hari, berjuta-juta orang bergantung pada teknologi dan produk GKN Automotive untuk memastikan keselamatan mereka.

Kita mesti mengikuti undang-undang keselamatan produk di tempat kita berniaga, keperluan keselamatan pelanggan kita, keperluan keselamatan industri dan Dasar Keselamatan Produk GKN Automotive. Kita benar-benar komited untuk menyampaikan produk yang bukan sahaja memenuhi jangkaan kualiti pelanggan kita, tetapi juga produk yang kita tahu adalah selamat.



Ini bermakna anda harus:

- Mematuhi Product Safety Policy (Dasar Keselamatan Produk) kita dan prosedur lain
- Melengkapkan semua latihan Keselamatan Produk pekerja dan latihan keselamatan produk khusus kerja yang lain
- Mengenali bahawa cara anda berkelakuan di tempat kerja akan mempengaruhi keselamatan produk kita
- Melaporkan kebimbangan Potensi Keselamatan dan Integriti Produk (PPSI) kepada wakil keselamatan produk anda (Pengurus Kualiti atau Ketua Jurutera)
- Menyuarkan Diri jika anda nampak sesuatu yang tidak betul





Menyokong Komuniti

Kita komited untuk melakukan sumbangan positif kepada komuniti di tempat kita beroperasi. Terdapat banyak cara yang kita boleh berbuat demikian.

Kita menggalakkan amalan perniagaan yang baik, mencipta peluang untuk pekerjaan dan sensitif terhadap kebimbangan komuniti dan masyarakat yang kita berinteraksi dengan.

Kita juga menyokong pertubuhan amal dan komuniti, serta memberi peluang kepada pekerja untuk merelakan diri dan mengutip derma.

Anda boleh menyokong hal ini dengan:

- Membantu kita menyokong projek dan aktiviti dalam komuniti tempatan kita dan menggalakkan orang lain untuk melakukan perkara yang sama
- Mengemukakan idea cara kita boleh membantu
- Berusaha untuk meminimumkan apa-apa impak negatif yang kita mungkin ada pada komuniti tempat kita beroperasi
- Menyampaikan kerja baik yang anda lakukan di luar GKN Automotive untuk menyokong badan amal dan komuniti anda



Hak Asasi Manusia dan Perhambaan Moden

Kita komited untuk menghormati hak asasi manusia dalam operasi kita, rantai nilai kita dan dalam komuniti tempat kita beroperasi.

Kita berusaha untuk mengelakkan keterlibatan dalam pelanggaran hak asasi manusia dan menggunakan pengaruh kita untuk menggalakkan penunaian hak asasi manusia. Ini termasuk komitmen kita untuk memerangi perhambaan moden dalam semua bentuk perhambaan moden dan memastikan GKN Automotive dan pembekal serta rakan kongsi perniagaan kita tidak menggunakan, atau bertolak ansur dengan penggunaan, mana-mana buruh kanak-kanak atau apa-apa bentuk buruh paksa, terikat atau tidak sukarela.



Ini bermakna anda harus:

- Mematuhi Human Rights and Anti-Modern Slavery Policy (Dasar Hak Asasi Manusia dan Anti-Perhambaan Moden) kita
- Menyuarkan Diri jika anda nampak seseorang diperlakukan dengan cara yang mungkin merupakan bentuk perhambaan moden, supaya kita boleh menyiasatnya dengan lebih lanjut
- Memastikan komitmen kita untuk memerangi perhambaan moden disampaikan dengan jelas kepada rakan kongsi perniagaan kita, termasuk melalui Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) kita
- Mematuhi Customer, Supplier and Other Counterparty Due Diligence Procedures (Prosedur Usaha Wajar Pelanggan, Pembekal dan Rakan Niaga yang Lain) kita dan menolak untuk berurus dengan mana-mana pihak yang membimbangkan
- Melakukan semua latihan yang anda diminta untuk lakukan



Hubungan Pelanggan dan Pembekal

Pelanggan dan pembekal kita penting kepada perniagaan kita dan kita percaya dengan membina hubungan yang kuat, komited dan menghasilkan nilai dengan mereka.

Walaupun kita tidak akan sentiasa bersetuju dalam semua perkara, kita percaya dengan melayan pelanggan dan pembekal kita dengan hormat, adil dan berintegriti. Kita juga menjangkakan pelanggan dan pembekal kita untuk menunjukkan standard kelakuan perniagaan yang sama seperti kita.

Ini bermakna bahawa kita semua perlu:

- Berkelakuan dalam cara yang menggalakkan pembangunan hubungan yang berpanjangan, yang dibina atas kepercayaan
- Melayan pelanggan dan pembekal kita dengan hormat dan budi bahasa yang diri kita harapkan
- Melihat diri kita melalui mata pelanggan kita
- Memastikan terma perjanjian kita dengan pelanggan dan pembekal adalah jelas, sementara melindungi kepentingan kita dengan secukupnya
- Memantau prestasi pembekal kita secara berkala dan memastikan bahawa mereka bertindak selaras dengan standard kita, termasuk Supplier Code of Conduct (Tatakelakuan Pembekal) kita


Komunikasi

Komunikasi yang jelas, terbuka dan jujur adalah penting bagi membina kepercayaan dengan pekerja, pelanggan, pembekal, pelabur, media, orang ramai dan komuniti di tempat kita beroperasi.

Semua komunikasi GKN Automotif harus jelas, tepat dan disampaikan dengan cara yang menunjukkan nilai kita dan memelihara reputasi kita.

Ini bermakna anda harus:

- Ikut Dasar Komunikasi kami
- Sentiasa bertindak dalam cara yang mencerminkan nilai kita dan melindungi atau meningkatkan reputasi dan jenama kita
- Tidak memberikan komen atau pernyataan awam bagi pihak GKN Automotive kecuali diluluskan oleh pasukan Komunikasi kita dan mengelakkan situasi yang menyebabkan komen persendirian anda ditafsir sebagai komen atau sokongan yang dibuat oleh GKN Automotive
- Apabila berkomunikasi, pastikan anda jelas, betul dari segi fakta dan tidak boleh disalah tafsir
- Sentiasa menganggap bahawa komunikasi bertulis akan diketahui umum suatu hari nanti, jadi berhati-hati dengan perkataan yang anda gunakan
- Tidak mengatakan sesuatu di khalayak ramai yang anda tidak mahu diulangi
- Menggunakan media sosial dengan berhati-hati dan selaras dengan Social Media Policy (Dasar Media Sosial) kita





Bahan Bacaan Lanjut

Anti-Bribery and Corruption Policy
(Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah)

Dasar Alam Sekitar, sama ada terpakai secara global atau khusus kepada tempat kerja anda

Gifts and Hospitality Policy
(Dasar Hadiah dan Hospitaliti)

Prosedur Kualiti, sama ada terpakai secara global atau khusus kepada tempat kerja anda

Donations and Sponsorship Policy
(Dasar Pendermaan dan Penajaan)

Product Safety Policy and Procedure
(Dasar dan Prosedur Keselamatan Produk)

Sales Agents and Consultants Policy
(Dasar Ejen dan Perunding Jualan)

Human Rights and Anti-Modern Slavery Policy (Dasar Hak Asasi Manusia dan Anti-Perhambaan Moden)

Competition and Antitrust Law Policy
(Dasar Undang-undang Persaingan dan Antitrust)

Document Retention Policy (Dasar Pengekalan Dokumen)

Trade Compliance Policy
(Dasar Pematuhan Perdagangan)

Social Media Policy (Dasar Media Sosial)

Customer Due Diligence Procedure
(Prosedur Usaha Wajar Pelanggan)

Communication Policy (Dasar Komunikasi)

Supplier Due Diligence Procedure
(Prosedur Usaha Wajar Pembekal)

Other Counterparty Due Diligence Procedure
(Prosedur Usaha Wajar Rakan Niaga yang Lain)

Data Protection Policy (Dasar Perlindungan Data)

Conflict of Interest Policy
(Dasar Konflik Kepentingan)

Securities Dealing Policy (Dasar Urus Niaga Sekuriti)